

Kabinet tidak pernah bincang swasta air: PM

BH 29 MAR 2002

Oleh Kadir Dikoh, Wan Hazmir Bakar dan Abdul Halim Yusof .

SHAH ALAM, Khamis – Kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai cadangan menswastakan perkhidmatan bekalan air di seluruh negara. Malah, Kabinet belum mengadakan sebarang perbincangan mengenainya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan juga tidak boleh memberi jaminan sepenuhnya bahawa mutu bekalan air nanti akan lebih baik jika perkhidmatan itu diswastakan.

Swasta air: Negeri perlu rujuk kepada Kerajaan Pusat – Muka 6

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata orang ramai perlu mempunyai minda terbuka dan bersedia menerima perubahan termasuk kemungkinan penswastaan bekalan air berikutan beberapa program penswastaan kerajaan sebelum ini terbukti berjaya.

Beliau memberikan contoh kejayaan penswastaan Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan Projek Lebuhraya Utara Selatan (Plus).

“Jika Telekom tidak diswastakan, hari ini kita tidak mempunyai perkhidmatan kerana di dalam jabatan kerajaan, nak perkenalkan sesuatu inovasi akan mengambil masa bertahun-tahun dan ketika itu produk baru sudah muncul.

“Hari ini Telekom, kerana diswastakan, untung hampir RM2 bilion setiap tahun. Saya ingat setiap tahun kita bagi kepada

LIHAT MUKA 6

Menteri belum bincang

penswastaan

29 MAR 2002

DARI MUKA 1

Jabatan Telekom (dulu) RM200 juta. Sekarang kita tak payah bagi dan kita kutip balik cukai...cukai ini kita guna untuk kebaikan rakyat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kren buatan Malaysia, di sini hari ini.

Kelmarin, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu mengumumkan, bekalan air di seluruh negara akan diswastakan bagi membolehkan kos pengeluaran dan pembekalan yang tinggi, ditanggung bersama oleh pengguna.

Sejak 43 tahun lalu, katanya, kerajaan membekalkan air pada kadar di antara RM1.40 dan RM1.50 bagi setiap 1,000 gelen, iaitu lebih rendah daripada kadar yang dicadangkan Bank Dunia berdasarkan pendapatan bulanan sesebuah keluarga.

Bagaimanapun, pelbagai pihak termasuk beberapa kerajaan negeri membantah cadangan itu dan meminta kerajaan mempertimbangkannya.

Ditanya kemungkinan bantahan itu berikutan kegagalan program penswastaan kerajaan terutama membabitkan syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) baru-baru ini, Dr hlahathir berkata nasib

Kita tunjuk sama kepada yang berjaya, jangan tunjuk kepada yang tidak berjaya.

"Jika tidak, kita tak boleh buat apa. Kita hantar anak pergi mengaji, dia tak berjaya, tak usah hantar anak pergi mengaji pasal anak se-orang tak berjaya. Adakah itu sikap kita?," katanya.

Sementara itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata jemaah menteri belum mengadakan perbincangan mengenai cadangan menswastakan perkhidmatan bekalan air.

"Ia adalah perkara yang tidak dibincangkan Kabinet, tidak ada sebarang keputusan," katanya selepas melancarkan Shell Information Technology International Sdn Bhd iaitu pusat perkhidmatan teknologi maklumat global kumpulan Royal Dutch/Shell, di Cyberjaya hari ini.

Timbalan Perdana Menteri memberi jaminan, kerajaan akan menjalankan kajian terperinci termasuk kesannya ke atas rakyat serta aspek untung rugi jika cadangan penswastaan bekalan air itu hendak dipertimbangkan.

Katanya, pendirian kerajaan dalam setiap program penswastaan adalah jelas, iaitu mahu perkhidmatan yang diberikan syarikat swasta mestilah lebih baik

yang menimpa syarikat itu disebabkan kegawatan ekonomi dunia.

"Kita nak tanya apa jadi kepada Swiss Air, apa jadi kepada Sabena (Air). Apa jadi kepada beberapa syarikat penerbangan di Amerika, mufliis. Kerana kegawatan ekonomi dunia, hampir semua syarikat penerbangan menghadapi masalah," katanya.

Beliau berkata, jika kerajaan tidak berani menswastakan sesuatu, negara akan mudur kerana banyak manfaat daripada program penswastaan itu. Tanpapenswastaan Lebu Raya Utara Selatan yang mengambil masa antara enam hingga 10 tahun untuk disiapkan, Malaysia tidak akan ada lebu raya.

"Orang ramai seharusnya membuat perbandingan dengan program penswastaan yang berjaya seperti Telekom, TNB dan Plus. Dulu kita tak ada lebu raya, kita bagi kepada swasta dan siap. Kena ingat juga walaupun kita bagi kepada sektor swasta, kerajaan beri subsidi, supaya kadar tol rendah.

"Dengan ada penswastaan, lebu raya kita adalah sistem lebu raya terbaik di seluruh Asia Tenggara. Anda boleh periksa fakta ini. Demikian juga dengan penswastaan lain seperti Tenaga, Telekom.

daripada sebelumnya.

"Jika ini tidakdicapai, susahlah hendak dikatakan bahawa program penswastaan itu adalah sesuatu yang berjaya," katanya.

Beliau bagaimanapun menyifatkan kenyataan Samy Vellu mengenai cadangan penswastaan perkhidmatan bekalan air itu ada juga baiknya kerana ia memberi maklum balas kepada kerajaan mengenai pandangan rakyat.

"Kita amat prihatin terhadap reaksi rakyat dalam apa juga perkara yang kita lakukan. Jika kita hendak melaksanakan sesuatu, kita tentu menerangkan kepada rakyat," katanya.

Ditanya mengapa kerajaan meneruskan program memperbaiki perkhidmatan bekalan air bernilai berjuta-juta ringgit jika ada cadangan menswastakannya, Abdullah berkata usaha itu perlu diteruskan untuk kepentingan rakyat.

Katanya, kerajaan tidak boleh menghentikan langkah mempertingkatkan mutu bekalan air kepada rakyat semata-mata kerana cakap-cakap mengenai cadangan penswastaan.

"Usaha mempertingkatkan mutu bekalan air tidak boleh dihentikan. Kita tidak boleh berhenti, kita akan teruskan perkhidmatan kepada rakyat," katanya.